



## Latar Belakang Program Mendekati Masyarakat

**S**elepas pengeboman di London pada Julai 2005, kita mula bertanyakan diri kita sama ada kita perlu membuat lebih daripada apa yang telah kita lakukan untuk mempertingkatkan ketahanan sosial kita. Ancaman penganasan ekstremis tidak mungkin luput dalam masa terdekat ini, malah kita akan melihat semakin ramai warga sendiri turut terlibat. ***Kita bertanya kepada diri kita***

***'bagaimanakah anggota masyarakat kita akan bertindak sekiranya berlaku satu serangan penganas di Singapura? Lebih-lebih lagi jika pelakunya merupakan warga sendiri?'***

Mungkin kita merasakan bahawa hubungan kaum yang baik yang telah kita bina selama ini mampu membantu kita mengharungi kegenjotan pada teras sosial kita. Namun, kita harus sedar bahawa keadaan ini tidak boleh diambil ringan.

**2 Retorik ekstremis dan perkembangan politik yang sensitif di serata dunia boleh meninggalkan kesan negatif ke atas masyarakat kita. Oleh itu, kita perlu mempertingkatkan daya tahan warga berbilang kaum kita dan mengukuhkan lagi jalinan antara mereka.**

3 Pertama, kita harus menangkis ideologi ekstremis. Dalam hal ini, pemimpin agama Islam telah giat berusaha menentang penyelewengan agama yang disebarkan golongan ekstremis dan penganas.

4 Kedua, kita tahu bahawa sejourus setelah tercetusnya sesuatu krisis, mungkin agak sukar bagi anggota masyarakat untuk kekal tenang dan mengelak daripada memberikan reaksi yang kurang positif. **Masyarakat perlu membina kepercayaan sesama sendiri dan tahu apa yang harus mereka lakukan untuk kekal bersatu sekiranya krisis melanda.** Adalah penting bagi kita untuk mempunyai rangkaian kepercayaan yang kukuh serta komitmen yang tinggi terhadap usaha mengekalkan hubungan baik.

5 **Namun, kita perlu melakukan lebih daripada itu – kita perlu mengadakan latihan dan mempersiapkan anggota masyarakat kita agar mereka dapat menjangkakan apa yang akan mereka hadapi dan bagaimana mereka harus bertindak sekiranya krisis melanda.**

### **Apa itu CEP?**

6 Program Mendekati Masyarakat atau CEP adalah satu usaha jangka panjang bagi memastikan bahawa kita mampu mengekalkan perpaduan dan keharmonian kaum sekiranya berlaku satu serangan pengganas di Singapura. Kita mahu menyatupadukan warga berbilang kaum Singapura demi mengukuhkan lagi jalinan antara mereka dan menyediakan pelan respons bagi membantu menangani ketegangan kaum yang mungkin timbul sejurus setelah tercetusnya sesuatu insiden, misalnya satu serangan pengganas.

### **Pendekatan Dari Bawah Ke Atas**

7 Kita banyak menerima maklum balas dan saranan yang bernas dalam sesi-sesi dialog dan perbincangan yang telah diadakan. Satu pandangan yang kerap diutarakan ialah CEP perlu bermula dari bawah untuk kekal bertahan, dengan warga Singapura sendiri mengerakkannya sementara pemerintah menyokong dan menyelaraskan usaha itu. Masyarakat dan kumpulan-kumpulan harus memikul tanggungjawab mengusahakan pelbagai inisiatif. Namun demikian, kita perlu mengelakkan daripada mewujudkan beberapa lapisan organisasi dan struktur baru. Pemerintah akan menyelaraskan usaha itu serta memberi sokongan dan mengadakan sumber-sumber yang diperlukan, tetapi masyarakat Singapura sendiri yang lebih maklum tentang domain-domain mereka.

### **Bergabung tenaga dengan Sektor-Sektor Home Team**

8 Sejak CEP dilancarkan, bilangan inisiatif yang dijalankan oleh individu-individu, kumpulan-kumpulan dan pertubuhan-pertubuhan kian meningkat. Di peringkat Sektor Home Team (Bahagian Utara, Selatan, Timur dan Barat), masyarakat Singapura telah bekerjasama dalam isu-isu yang berkaitan dengan keamanan dan keselamatan, seperti Skim Zon Kawalan Kejiranan dan usaha meningkatkan kesedaran awam tentang pencegahan kebakaran. Justeru itu, CEP tidak jauh berbeza daripada inisiatif-inisiatif mendampingi masyarakat yang lain. Malah, ia adalah lanjutan kepada usaha berterusan kami untuk melibatkan pelbagai golongan masyarakat dalam usaha menangani isu-isu keamanan dan keselamatan di peringkat kejiranan di mana mereka akan mempelajari kemahiran-

kemahiran khusus sebagai persiapan menghadapi kecemasan, seperti memberi pertolongan cemas dan respons yang bersesuaian ketika berlaku kebakaran. Contohnya,

a) Sektor Home Team Bahagian Utara

- *Safety and Security Watch Group* (SSWG atau Pasukan Pengawas Keamanan dan Keselamatan) – menyatupadukan dimensi keamanan dan keselamatan dalam mempersiapkan masyarakat menghadapi kecemasan, dan menggabungkan sumber-sumber pihak polis dan SCDF yang terdapat di sektor tersebut;
  - Contohnya, SSWG 2006 oleh pemilik premis perindustrian/komersial – Estet Perindustrian Defu Lane;
  - Contohnya, SSWG 2006 bersama Persatuan Peniaga Cheng San; Compass Point Shopping Mall;
- Video Anti-Penggunaan – Video pendidikan awam ini memberi panduan kepada warga Singapura tentang bagaimana mengenal pasti sama ada sesuatu barang itu mencurigakan atau tidak. Ia juga menerangkan apa yang harus mereka lakukan bila berhadapan dengan ancaman bom yang belum dapat disahkan di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan bagaimana mereka dapat mempersiapkan diri dengan kemahiran menghadapi kecemasan;

b) Sektor Home Team Bahagian Timur

- Latihan Persiapan Menghadapi Kecemasan CEP, satu Pelan Kontingensi Bersepadu –
  - Latihan Persiapan Menghadapi Kecemasan (EP) tidak harus berhenti kepada sekadar membantu usaha menyelamatkan. Ia perlu merangkumi keupayaan menangani kesan balas daripada ketegangan kaum ekoran daripada tercetusnya sesuatu krisis. Latihan Sektor Home Team Bahagian Timur menangani dimensi fizikal dan psikososial pengurusan krisis. Latihan di Changi Village tahun lalu menyaksikan penyertaan pelbagai pertubuhan kaum dan agama. Dimensi psikososial sesuatu situasi krisis diberi tumpuan sebagai sebahagian daripada senario latihan menangani trauma serta isu-isu berkaitan dengan daya tahan warga Singapura selepas berlakunya sesuatu insiden;
  - MCYS, MOH dan badan-badan sukarela juga telah melibatkan diri dalam bidang baru ini yang mungkin merupakan peranan baru para pendamping (befrienders) dan kaunselor;

- Projek perhubungan krisis melalui SMS (masih diteruskan) – menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS) sebagai wadah bagi menyampaikan informasi kepada penduduk semasa krisis;
- c) Sektor Home Team Bahagian Selatan
- Kotak *Hawker Emergency Lifesaving Point* (HELP) – kotak ini mengandungi pelbagai barang keperluan bagi membantu para penjaja mengevakuasi pengunjung sekiranya berlaku kecemasan
    - Contohnya: Kotak HELP ini telah disediakan di Holland Village sejak Sep 06;
  - Responder Pertama Korporat (CFR) – ini merupakan satu skim bagi membantu syarikat-syarikat membangunkan semula perniagaan mereka selepas tercetusnya sesuatu bencana besar seperti serangan pengganas. Kakitangan utama, yang dikenalpasti oleh pihak pengurusan dan penyewa bangunan, akan dibenarkan memasuki kawasan yang telah dikepung ekoran daripada tercetusnya sesuatu bencana bagi membantu usaha-usaha menyelamatkan dan menjalankan penyiasatan serta melaksanakan pelan bagi meneruskan perniagaan. Sektor Home Team Bahagian Barat juga telah menghasilkan video untuk Skim Responder Pertama Korporat ini.
- d) Sektor Home Team Bahagian Barat
- Mendekati pekerja asing di dormitori mereka – duta pencegahan jenayah dilantik di kalangan pekerja asing bagi membantu pihak Polis menyebarkan mesej antijenayah dan pencegahan kebakaran kepada rakan-rakan mereka. Mereka juga diberi taklimat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pengganasan, termasuk cara-cara mengenal pasti barang-barang ataupun individu-individu yang mencurigakan.
- e) Program *Ready Bag* Atau Beg Persediaan Kecemasan–Ayuh Membuat Persediaan\*Bersedia\*Terus Bersedia
- Ini merupakan satu program di mana anggota masyarakat beralih daripada sekadar mempunyai kesedaran pasif kepada melibatkan diri secara aktif dengan menyediakan *Ready Bag* bagi keluarga mereka dan menyesuaikannya mengikut keperluan mereka sekeluarga.

9 Struktur-struktur dan rangkaian-rangkaian bagi membolehkan pihak Home Team dan anggota masyarakat bekerjasama telah tersedia. Kerjasama ini boleh diperluaskan dan diperkukuhkan

lagi dengan memastikan bahawa masyarakat Singapura telah bersedia untuk menangani ketegangan kaum yang mungkin terjadi ekoran daripada tercetusnya sesuatu krisis, terutamanya satu serangan pengganas.

Sama ada kita dapat terus wujud sebagai sebuah negara yang bersatu bergantung kepada kita semua

Ayuh sama-sama kita mengukuhkan ketahanan Singapura dan memastikan ia kekal bersatu.

~~~~~

## LAMPIRAN

### Sumber-sumber yang sudah tersedia:

#### **\*Poster CEP**

1 Poster dalam bentuk kartun yang dihasilkan oleh Miel dari akhbar The Straits Times ini menerangkan tentang CEP dengan cara yang mudah difahami. Poster yang terdapat dalam bahasa Inggeris, Mandarin, Melayu dan Tamil ini juga boleh dimuat turun dari portal Singapore United.

#### **\*Video CEP**

2 Ini merupakan sebuah video yang menerangkan tentang CEP. Selain daripadanya, terdapat juga sebuah klip video pendek sepanjang satu minit.

#### **\*Buku Kecil Mengenai CEP**

3 Buku kecil ini menjelaskan apa itu CEP serta aspek-aspek lain yang berkaitan dengannya. Ia boleh didapati dalam empat bahasa rasmi dan boleh juga dimuat turun dari portal Singapore United.

#### **\*Singapore United – portal Program Mendekati Masyarakat**

4 Salah satu cabaran yang kita hadapi sekarang ialah bagaimana dapat kita menghubungkan pelbagai kelompok masyarakat sedang bilangan pertubuhan, kumpulan dan individu yang menyertai CEP semakin bertambah.

5 Kita telah mengadakan banyak bengkel dan seminar untuk mengongsi amalan-amalan dan idea-idea terbaik serta membina rangkaian hubungan dan menjalin persahabatan. Bagaimanapun, dalam situasi harian, kita memerlukan lebih dari itu. Lantas, kita memutuskan untuk memanfaatkan Internet bagi mempermudah interaksi dan perhubungan dengan membangunkan sebuah portal CEP yang dinamakan **Singapore United**.

6 *Singapore United* bertindak sebagai platform perhubungan dan dialog bukan sahaja di kalangan masyarakat CEP tetapi juga di antara mereka dan masyarakat umum. Portal ini merupakan sebuah ruang bersama di mana kita boleh berinteraksi dan mendampingi satu sama lain menerusi Internet.

7 Dilancarkan di Seminar Nasional Program Mendekati Masyarakat (CEP) pada 24 Mar 2007, portal ini bukan sahaja bertujuan untuk memupuk kesedaran dan menyebarkan mesej-mesej mengenai CEP, malah lebih penting lagi, ia menjadi platform bagi Sekretariat CEP dan Kelompok Agensi Utama (yang terdiri daripada agensi-agensi pemerintah) untuk mendampingi masyarakat CEP dan masyarakat umum secara keseluruhannya.

8 Ciri-ciri utama portal tersebut adalah seperti berikut:

- a) Portal tersebut mempunyai kalendar kegiatan yang menyenaraikan acara-acara dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan CEP yang bakal dianjurkan atau yang sedang dan telah dijalankan. Orang awam boleh memanfaatkan kemudahan akses terhadap informasi yang terkandung dalam kalendar tersebut untuk mendapatkan butir-butir kegiatan CEP seperti tempat di mana ia akan diadakan, matlamatnya serta orang yang boleh dihubungi. Informasi yang terkandung dalam kalendar tersebut juga boleh dimuat turun ke dalam sistem kalendar telefon bimbit peribadi mereka. Risalah-risalah dan gambar-gambar juga, jika ada, akan dimuatkan di dalam kalendar yang berfungsi sebagai arkib atau satu tempat menyimpan maklumat dalam talian.
- b) *Singapore United* mempunyai keupayaan mengarkib maklumat berkaitan dengan CEP untuk dijadikan sumber rujukan. Maklumat-maklumat tersebut disimpan di bahagian “Resources” yang juga memuatkan galeri berbilang media di mana pengunjung boleh menonton video-video CEP. Portal ini lama kelamaan akan menjadi satu tempat menyimpan pelbagai maklumat dan bahan berkaitan dengan CEP yang akan mempermudah usaha membuat kajian tentang CEP.
- c) Pengguna boleh memanfaatkan *Really Simple Syndication (RSS) feed* yang terdapat di halaman-halaman tertentu portal CEP seperti “News Room” dan “Calendar of CEP events” untuk dimaklumkan secara automatik sekiranya sesuatu rencana baru dimuat naik.
- d) Orang awam boleh memberi maklum balas dan saranan (dalam bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa rasmi yang lain) kepada Sekretariat CEP dengan mengisi borang dalam talian yang membolehkan mereka melampirkan dokumen/fail ataupun sebagai alternatif, mengirim maklum balas dan saranan menerusi faks kepada Sekretariat.

|                                                | Pegawai yang boleh dihubungi           | Butir-butir bagi menghubungi Sekretariat                              |
|------------------------------------------------|----------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|
| Sekretariat Program Mendekati Masyarakat (CEP) | Cik Ong-Chew Peck Wan<br>SUPT Maria Oh | Talian utama: (65) 6478 5751<br>Faks: (65) 6258 6693<br>Alamat Email: |

|                                                                                                                                           |                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                       |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| di bawah<br>Direktorat<br>Program<br>Mendekati<br>Masyarakat<br>(Bahagian<br>Dasar &<br>Operasi),<br>Kementerian<br>Ehwal Dalam<br>Negeri | Encik Sunny Lee<br><br>Cik Low Ai Ling<br><br>Cik Yong Fe Ping<br><br>Cik Sandra Yip<br><br>Cik Nio Yin Ying<br><br>Encik Ang Zhongren | <a href="mailto:singaporeunited@mha.gov.sg">singaporeunited@mha.gov.sg</a><br><br>Alamat:<br><br>Kementerian Ehwal Dalam<br>Negeri<br><br>New Phoenix Park, 28<br>Irrawaddy Road, Singapore<br>329560 |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|